



UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Peningkatan Patriotisme Di Kalangan Belia/ Pelajar IPTA : MANAJAN KES KUTKM

an.Pap
nies

Oleh :

Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani,
Mohd Shamsuri Md Saad

Rahman Hashim

Albert Feisal @ Muhd Feisal Ismail

FENDI APU BAHR

**Peningkatan Patriotisme Di Kalangan Belia / Pelajar IPTA:
Kajian Kes KUTKM**

Oleh:

**Datuk Profesor Dr Mohd Ruddin Ab. Ghani,
Mohd Shamsuri Md Saad
Rahman Hashim
Albert Feisal @ Muhd Feisal Ismail**

Abstrak

Isu patriotisme sering dipertikaikan oleh semua pihak. Walaupun pelbagai usaha sudah dilakukan oleh kerajaan, nampaknya hasrat untuk menerapkan semangat berkenaan di kalangan generasi muda, tidak begitu berkesan. Kalangan muda, khususnya belia serta pelajar di pusat pengajian tinggi awam dan swasta, adalah sasaran utama kerajaan terhadap pelbagai kempen yang diadakan. Rata-rata semangat patriotik di kalangan belia di negara ini, menjadi pertikaian pihak tertentu. Kalangan akademik, khususnya, berasa begitu bimbang kerana disebabkan terlalu mengejar cita-cita yang menggunung, membuatkan belia lupa tanggungjawab mereka untuk mencintai negara. Tidak kurang juga belia yang terkandas dalam pendidikan, akhirnya menimbulkan pelbagai gejala sosial sehingga menjadi sampah masyarakat. Tindakan mereka ini menyebabkan kerajaan terpaksa memperuntukkan sejumlah kewangan yang besar bagi menangani atau melaksanakan beberapa program yang dirasakan bermanfaat kepada belia. Oleh itu, kertas kerja ini cuba mengungkap peranan serta tanggungjawab yang dilakukan oleh pihak lain, terutama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini dalam membantu kerajaan meningkatkan semula semangat patriotisme di kalangan belia atau pelajar masing-masing.

**Peningkatan Patriotisme Di Kalangan Belia / Pelajar IPTA:
Kajian Kes KUTKM¹**

Oleh:

**Datuk Profesor Dr Mohd Ruddy Ab. Ghani,
Mohd Shamsuri Md Saad
Rahman Hashim
Albert Feisal @ Muhd Feisal Ismail**

Slaid 1 – tajuk kertas kerja

1.0 Pengenalan

Semangat patriotisme sebenarnya adalah sesuatu yang subjektif kerana ia begitu mudah diucapkan oleh bibir tetapi sukar dilaksanakan di dalam hati. Walaupun patriotisme itu sendiri sering menjadi topik perbincangan pada Ogos setiap tahun, sehingga ini kesannya masih berkisar kepada perbincangan demi perbincangan. Tiada kayu pengukur atau mekanisme yang boleh digunakan untuk mengukur tahap peningkatan patriotisme itu setiap tahun.

Kegiatan-kegiatan yang bertujuan menyemarakkan patriotisme turut dijalankan menjelangnya bulan tersebut. Apakah soal patriotisme hanya relevan kepada bulan tersebut kerana tarikh kemerdekaan negara jatuh dalam bulan Ogos?

Atau adakah soal patriotisme itu satu ‘gimik’ kerajaan sehingga cuma boleh diraikan pada bulan itu saja? Oleh itu, kertas kerja ini cuba membincangkan hubungan semangat patriotisme dengan *survival* dan masa depan negara serta kepentingan rakyat negara ini.

Definisi patriotisme
Slaid 3 – empat bahagian kertas kerja

2.0 Konsep patriotisme, belia dan pelajar IPTA

Walaupun definisi patriotisme itu sudah diketahui umum, eloklah diperturunkan juga dalam kertas kerja ini bagi memudahkan perbincangan. Patriotisme adalah merujuk kepada perasaan cinta yang kuat terhadap negara atau tanah air (*Kamus Dewan Edisi Ketiga: 1996: 987*). Manakala, belia pula ditakrifkan sebagai golongan muda yang berusia antara 16 dan 40 tahun. Sebahagian pelajar IPTA adalah dalam golongan ini kerana rata-rata mereka berusia antara 18 tahun hingga awal 20an.

Patriotisme juga sering dilihat sebagai ‘nasionalisme rasmi’ atau official nationalism bagi sesebuah negara (*Kellas, 1991*). Adakalanya, orang ramai sering terkeliru antara definisi patriotisme dan nasionalisme, sedangkan kedua-dua itu adalah berbeza. Nasionalisme itu boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, antaranya nasionalisme sivik, nasionalisme etnik, nasionalisme sosial dan nasionalisme rasmi/patriotisme (*Kellas, 1991; Brown, 1999*).

Secara ringkasnya, patriotisme boleh dianggap sebahagian saja daripada definisi nasionalisme itu sendiri dan ia lebih mudah difahami oleh orang ramai. Matlamat utama patriotisme ialah negara dan setiap rakyat harus mempertahankan negara walaupun terpaksa mengorbankan nyawa sendiri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, untuk menghadapi cabaran yang lebih besar, bangsa Malaysia mestilah

mempunyai ‘jiwa yang lebih besar’. Untuk itu, semangat patriotik yang mantap, mesti ada kepada setiap individu yang mengakui diri mereka sebagai bangsa Malaysia. (*Datuk Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Padang Bandaran Parit Buntar, Perak, 1999*)

3.0 Penerapan patriotisme dalam sistem Pendidikan Negara

Sistem Pendidikan Negara (PN) telah melalui pelbagai transformasi semenjak kemerdekaan. Bagaimanapun matlamatnya tetap sama iaitu melahirkan insaan yang seimbang. Bermula daripada system sekolah pondok di zaman sebelum merdeka sehingga Sekolah Wawasan dan Sekolah Bistari, pelajar diterapkan pelbagai ilmu yang boleh membangunkan negara.

Bagaimanapun, aspek yang tidak boleh diketepikan ialah dari aspek pembinaan insan yang sedar akan perjuangan bangsa dan negaranya. Ini dapat kita lihat melalui pengenalan dan pembentukan kurikulum yang mendedahkan pelajar kepada perkara ini. Sebagai contoh, di peringkat sekolah rendah dan menengah mata pelajaran Sejarah menjadi mata pelajaran teras. Manakala di peringkat pra-universiti pula, mata pelajaran Kenegaraan dan Tamadun Islam, adalah merupakan kesinambungan kepada agenda di atas.

Selain itu, pelbagai program yang bukan berbentuk akademik, juga dijalankan bagi memupuk dan menyuburkan semangat patriotisme di kalangan pelajar. Secara tidak langsung, ia menyediakan satu input yang berharga kepada pelajar berkenaan sebelum mereka melangkah masuk ke menara gading.

Slaid 4 – Rukun Negara

Perlu ditegaskan di sini, semangat patriotisme juga sudah mula dipupuk di peringkat pra sekolah lagi, iaitu melalui konsep Rukun Negara. Pernah satu ketika dulu, diadakan pertandingan menghafal Rukun Negara dan mana-mana pelajar yang dapat menghafal serta membacanya dengan baik, akan diberikan hadiah.

4.0 Pendekatan KUTKM

Walaupun pelajar ini telah melalui satu proses yang panjang, tahap patriotisme di kalangan mereka masih boleh dipersoalkan. Berdepan dengan cabaran-cabaran yang arus kemodenan dan globalisasi, kita dapat lihat bahawa semangat dan keazaman patriotisme di kalangan pelajar IPTA semakin terhakis.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab IPTA yang bakal menerima mereka ini, menyediakan satu program khusus, baik dari segi akademik maupun bukan akademik bagi memastikan para pelajar ini berada di landasan yang betul.

Dalam hal ini, agenda melahirkan generasi pemimpin masa depan yang bukan hanya terdidik dan terpelajar, menjadi satu-satunya keutamaan di IPTA, khususnya di KUTKM. Lebih dari itu, tanggungjawab IPTA adalah untuk melahirkan mereka yang sanggup memberi semula pada negara tanpa perasaan yang berbelah bagi.

Slaid 5 ① pendekatan KUTKM
② misi, visi kutm

KUTKM merupakan sebuah IPTA yang ke-14. Secara tidak langsung, pelajar yang memasuki KUTKM merupakan pelajar yang telah melalui sistem PN yang mana telah melalui proses penerapan nilai-nilai patriotisme semenjak di peringkat pra sekolah, sekolah rendah, menengah lagi sehingga peringkat pra universiti, iaitu antara 19 dan 20 tahun.

Bagi menyokong hasrat melahirkan generasi pelapis yang patriotik, KUTKM mengambil pendekatan secara holistik dalam bentuk akademik, bukan akademik dan kemasyarakatan.

Inci dapat dilihat melalui Visi & Misi KUTKM

Slaid 6 – program KUTKM

5.0 Program-program yang diadakan bagi meningkatkan patriotisme di kalangan pelajar KUTKM

Oleh kerana fokus kertas kerja ini adalah memberi tumpuan kepada kegiatan yang dibuat oleh KUTKM dalam meningkatkan semangat patriotisme pelajar, maka disini, digariskan beberapa usaha yang sudah, sedang dan akan dilakukan untuk tujuan berkenaan.

5.1 Usaha yang sudah dilakukan/disertai:

5.1.1 Program Jalanan Kemerdekaan pada 24-29 Ogos 2002

Program ini adalah anjuran bersama Biro Tatanegara (BTN) Jabatan Perdana Menteri cawangan Melaka. Program ini adalah kali kedua diadakan dengan bertemakan 'DI ATAS RUNTUHAN KOTA MELAKA, KITA BINA PUTRAJAYA'.

Melalui program ini, peserta memulakan perjalanan dengan berjalan kaki dari Padang Pahlawan, Bandar Hilir dan berakhir di Putrajaya pada 29 Ogos 2002. Ia hampir sama dengan larian baton, iaitu peserta hanya perlu berjalan dalam jarak yang sudah ditetapkan dan perjalanan seterusnya akan diteruskan oleh peserta lain. Proses pertukaran peserta akan berlaku untuk beberapa kali sehingga ke destinasi terakhir.

Slaid 7 – gambar sambutan kemerdekaan

5.1.2 Sambutan Hari Kebangsaan ke-45

Seramai 240 pelajar KUTKM dengan membabitkan dua kontingen, terbabit dalam acara kawad dan perbarisan sempena sambutan-hari kebangsaan tahun lalu. Selain itu, 45 pelajar KUTKM turut mengambil bahagian dalam persembahan lagu-lagu patriotik.

Hari Jatur Gemilang - Berkjama-sama YAB Kefua Menteri

5.1.3 Malam Perjuangan Gemilang

Ramai pelajar KUTKM terbabit dalam program ini yang diadakan pada 11 September 2002 bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan, dan mereka memberi komitmen yang tinggi dengan mengadakan persesembahan tradisional.⁷ Program ini adalah anjuran bersama Universiti Multimedia dan KUTKM.

Slaid 8 – dialog bersama pemimpin

5.1.4 Majlis dialog bersama pemimpin

Dalam konteks ini, beberapa pemimpin politik dan kerajaan dipanggil untuk mengadakan sesi dialog bersama pelajar KUTKM. Antara pemimpin yang sudah dan akan berdiaog dengan pelajar KUTKM ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Husein serta Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin Maidin. Oleh kerana program ini dapat merapatkan lagi hubungan antara pelajar dan pemimpin, khususnya dalam mendapatkan maklumat terkini, usaha sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Slaid 9 – larian patriotik

5.1.5 Larian patriotik Negeri Melaka 2002

Larian anjuran Persatuan Jogging Melaka ini, diadakan pada 1 September tahun lalu dan 30 pelajar KUTKM terbabit dalam program berkenaan. Antara objektif larian ini ialah untuk melahirkan warga kota dan mahasiswa yang sihat di segi minda dan fizikal di samping merapatkan hubungan pelbagai kaum bagi melahirkan masyarakat yang dinamik.

Slaid 10 – cabaran Titiwangsa – Gunung Korbu

5.1.6 Cabaran Trans Titiwangsa KUTKM 2003

Pada asalnya, program ini adalah untuk mendaki Gunung Korbu yang terletak dalam Banjaran Titiwangsa, Perak saja. Bagaimanapun, atas semangat jati diri yang tinggi, menyebabkan sekumpulan pelajar KUTKM ini memanjat empat lagi gunung yang berhampiran (**Gunung Gayung, Gunung Bubu, Gunung Yong Belah dan Gunung Berinchang**). Ini adalah sesuatu kejayaan yang di luar jangkaan bagi KUTKM sendiri.

Dalam program ini, setiap pelajar yang terbabit, menunjukkan semangat jati diri yang kukuh dan padu sehingga

mereka mampu menghadapi pelbagai halangan dan rintangan yang mendaratang.

5.2 Program yang sedang dilakukan:

Seperti di kebanyakan IPTA lain, KUTKM turut memberi penekanan dalam aspek lain, khususnya dalam bidang akademik bagi membantu meningkatkan lagi semangat patriotisme di kalangan pelajar. Antaranya ialah:

5.2.1 Akujanji pelajar

Mulai pengambilan tahun lalu, setiap pelajar yang diterima masuk ke KUTKM, dikehendaki menandatangani akujanji dengan pihak universiti. Ini bertujuan semangat cintakan universiti, khususnya dan negara, amnya di kalangan pelajar.

5.2.2 Pembelajaran mata pelajaran Kenegaraan

Walaupun mata pelajaran atau subjek ini adalah elektif, ia adalah *elektif wajib* yang mana pelajar diwajibkan lulus. Melalui mata pelajaran ini, pelajar di peringkat diploma dan ijazah didedahkan mengenai sejarah negara, bermula daripada zaman purba (seperti paleolitik, mesolitik, neolitik), kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka, kebangkitan semangat nasionalisme menentang penjajah Inggeris sehingga Malaysia mencapai kemerdekaan.

Melalui mata pelajaran ini, diharapkan pelajar dapat mengetahui serta menghayati asal-usul negara, khususnya perjuangan rakyat terdahulu dalam menuntut kemerdekaan, dan seterusnya mempertahankan kemerdekaan yang sudah dicapai. Walaupun kemerdekaan negara dicapai tanpa pertumpahan darah seperti yang berlaku di negara jiran lain, ia diperolehi melalui titisan air mata dan kesediaan penduduk tempatan melakukan pengorbanan di segi harta benda dan perkongsian kuasa.

5.2.3 Mewujudkan Unit PERKASA

Unit ini ditubuhkan di bawah kurikulum KUTKM pada tahun lalu dan sama seperti pasukan PALAPES di IPTA lain. Melalui program ini, pelajar diberi latihan ala ketenteraan, seperti kawad, persenjataan dan bertempur.

5.2.4 Program Training of Trainers (TOT)

Program ini adalah dengan kerjasama ibu pejabat Biro Tatanegara (BTN) Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya dan bertujuan memberi kebenaran kepada kakitangan KUTKM untuk mengendalikan kursus kepada pelajar KUTKM sendiri. Kursus ini diadakan selama lima hari pada pertengahan bulan ini dengan membabitkan kumpulan profesional serta kumpulan sokongan.

Apa yang lebih membanggakan lagi ialah jika mendapat kelulusan daripada kerajaan, pihak KUTKM juga akan dilantik untuk mengendalikan kursus BTN kepada pelajar daripada semua IPTA lain. Dengan kata lain, KUTKM akan menjadi perintis kepada IPTA lain untuk menganjurkan kursus seperti ini.

5.3 Program yang dalam perancangan (yang akan dilaksanakan)

Pada masa ini, usaha sedang dibuat untuk mengenal pasti beberapa program yang dilakukan bagi membantu meningkatkan lagi semangat patriotisme di kalangan pelajar KUTKM.

Antara program berkenaan ialah:

- 5.3.1 menganjurkan debat patriotisme peringkat kebangsaan
- 5.3.2 menganjurkan pertandingan menulis eseи patriotik sempena sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat IPTA
- 5.3.3 mengumpulkan biodata beberapa tokoh/pejuang kemerdekaan yang masih ada (dalam versi baru)
- 5.3.4 mengesan perek bendera Malaysia yang pertama
- 5.3.5 mengadakan ekspedisi bermotor/berbasikal dari Lapangan Batu Berendam hingga ke Padang Pahlawan

6.0 Mengukur Tahap Patriotisme

Semangat patriotisme bukanlah satu benda yang boleh diukur menggunakan mekanisme tertentu. Ia adalah sesuatu yang subjektif dan cuma boleh dinilai oleh

individu itu sendiri. Dalam kata lain, ia bukanlah sekadar laungan atau mengibarkan Jalur Gemilang di atas kenderaan semata-mata.

Slaid 11 – quotation Perdana Menteri

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan tidak mahu patriotisme yang membuat tulji. Sebaliknya, apa yang dimahukan ialah patriotisme yang boleh dipertahankan. Patriotisme kita bukan untuk menceroboh orang lain tetapi untuk kebaikan kita juga. (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, PWTC, 1988)

Di sini, jika seseorang individu itu ingin mengukur atau menilai patriotisme sendiri, ia adalah sesuatu yang sukar dilakukan. Oleh itu, apa yang boleh dilakukan ialah menerima penilaian orang lain. Golongan belia, khusus pelajar IPTA, hendaklah memupuk semangat setia dan sayang kepada bangsa serta negara dan patriotisme hendaklah menjamin kita tidak membuat apa-apa yang merugikan bangsa dan negara.

Slaid 12 – Kesimpulan

7.0 Kesimpulan

Semangat patriotisme akan terus dapat dipertingkatkan jika pelajar dapat menghayati konsep patriotik itu sendiri. Patriotisme bukanlah untuk

mementingkan diri sendiri tetapi lebih kepada pengorbanan individu terhadap negara. Sesebuah negara, walaupun sudah beberapa lama mencapai kemerdekaan, akan kembali runtuh dan dijajah semula, jika semangat patriotisme di kalangan rakyat mereka semakin pupus.

- 000 -

Bibliografi

Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1996

Kellas, James G (1991) *The politics of nationalism and ethnicity*. London: The Macmillan Press Ltd.

Brown, David (1999) 'Are there good and bad nationalism', *Nations and Nationalism. Vol. 5, April 1999*.

Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, *Majlis Jamuan Makan Malam Majlis Belia Negeri Perak, Padang Bandaran, Parit Buntar, 31/5/99*.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, *Majlis Perhimpunan Hari dan Minggu Belia, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur, 4/6/1988*

Nazaruddin Hj. Mohd Jali, Ma'ruf Redzuan, Asnarulkhaldi Abu Samah & Ismail Hj. Mohd Rashid: *Pengajian Malaysia – Kenegaraan & Kewarganegaraan*, Prentice Hall, Kuala Lumpur, 2001.

http://www.smpke.jpm.my/rancangan_web/rancangan.nsf